

**Bahasa Melayu dan Konsep Kebenaran Ilmu Berdasarkan
Pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas**

*(Malay Language and the Concept of True Knowledge from the
Perspective of Syed Muhammad Naquib al-Attas)*

HASHIM MUSA*

ROZITA CHE RODI

HALIMAH PONDO

SALMAH JAN NOOR MUHAMMAD

Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: hasyim@fbmk.upm.edu.my

Abstrak. Bahasa Melayu merupakan salah satu wadah pengucapan Islam setelah beratus-ratus tahun menjadi wacana penterjemahan dan pentafsiran al-Qur'an, *al-Hadith*, ulasan tentang epistemologi, ontologi, perundangan Islam dan sebagainya. Namun begitu, penaklukan dunia Melayu oleh kuasa Barat melalui proses sekularisasi ilmu, bahasa dan pemikiran telah memberi kesan terhadap pemikiran dan bahasa Melayu. Hal ini menyebabkan ilmu duniawi diberi keutamaan manakala ilmu agama Islam dianggap sebagai ilmu ukhrawi semata-mata. Perbincangan ini bermula dengan ulasan tentang proses Islamisasi umat Melayu dan bahasa Melayu berdasarkan teori Syed Muhammad Naquib al-Attas yang menyerapkan dua elemen, iaitu (1) unsur pemikiran rasional dan waras yang berbentuk akliyah, logikal dan rasional, dan (2) mentransformasikan bahasa Melayu kepada bahasa Islam yang terserap dengan kosa kata Islam sebagai wadah pengungkapan dan penyebaran ilmu Islam dalam pelbagai genre persuratan. Artikel ini akan membahaskan bahawa dari sudut pandangan Islam, ilmu sekular Barat telah menimbulkan kekeliruan tentang konsep fakta, data, ilmu dan sebagainya dalam bahasa Melayu.

Kata kunci dan frasa: bahasa Melayu, Islamisasi, Syed Muhammad Naquib al-Attas, kebenaran ilmu

Abstract. *The Malay language has been a medium of Islamic discourse for several hundred years, functioning among others, as the language of translation and interpretation of the Qur'an and Hadith, as well as the language of Islamic epistemology, ontology and legal edicts. However, the colonisation of the Malay world by western powers has been responsible in secularising the Malay mind and language. As a result, secular knowledge is now given importance whilst Islamic revealed knowledge is considered as religious knowledge only. This article begins with a discussion on the Islamisation of the Malays and Malay language based on Syed Muhammad Naquib al-Attas' theory which underlines two elements (1) the infusion of the elements of rational and sound reasoning,*

and (2) the transformation of the Malay language into an Islamic language, enriched with Islamic vocabulary, which functions as a discourse on Islamic knowledge in various literary genres. The article argues that, from the Islamic perspective, western secular knowledge has caused confusion in defining facts, data, knowledge and others in the Malay language.

Keywords and phrases: Malay language, Islamisation, Syed Muhammad Naquib al-Attas, true knowledge

Pendahuluan

Kebahasaan Melayu dan Islam mempunyai hubungan sejarah yang jelas. Bahkan terdapat pendapat bahawa bahasa Melayu ditakdirkan Ilahi untuk menjadi sebagai satu daripada bahasa Islam yang utama termasuk bahasa Parsi, bahasa Urdu, bahasa Turki dan bahasa Swahili, selain bahasa Arab sendiri sebagai wahana wahyu Ilahi dan bahasa ibunda junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Apabila orang Melayu menjadi salah satu daripada kumpulan penganut agama Islam yang terbesar di dunia, identiti bahasa Melayu sebagai wahana pengucapan Islam memperoleh *sibghatullah* (pewarnaan Ilahi) setelah beratus-ratus tahun menjadi medium penterjemahan dan penafsiran al-Qur'an, *al-Hadith*, ulasan tentang epistemologi, ontologi, perundangan Islam dan sebagainya. Penutur bahasa Melayu yang menduduki kepulauan Melayu merupakan antara pemeluk agama Islam yang terbesar di dunia, iaitu melebihi ¼ bilion manusia, hampir seramai penutur bahasa Arab sendiri. Dalam artikel ini judul-judul yang akan dibincangkan ialah:

1. bahasa Melayu sebagai wahana pengungkapan ilmu Islam,
2. konsep Islamisasi alam Melayu,
3. sekularisasi ilmu, kekeliruan dan kepalsuannya,
4. kekeliruan ilmu dan kebenaran,
5. kecelaruan konsep martabat ilmu dan
6. konsep kebenaran ilmu dari sudut pandangan Islam.

Bahasa Melayu sebagai Wahana Pengungkapan Ilmu Islam

Istilah Melayu di Malaysia amat sinonim dengan Islam dan sering timbul anggapan bahawa apabila seseorang itu masuk Islam maka beliau telah masuk Melayu. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu mentakrifkan orang Melayu sebelum merdeka sebagai "*a person who habitually speaks Malay, professes the Muslim religion and conforms to Malay customs*" (Klausula 124, Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1948; lihat Tun Muhamed Sufian Hashim 1976, 293). Ketika agama Islam bertapak di wilayah ini, bermula dari kawasan Selat Melaka (contohnya, Perlak, Samudera Pasai, Melaka, Johor-Riau), rata-rata yang

merupakan rumpun Melayu menggunakan bahasa Melayu (atau dialeknya) sebagai bahasa pertama dalam menjalani kehidupan dan mengamalkan adat resam mereka. Selain itu, dalam proses penyebaran ajaran Islam ke seluruh alam Melayu melalui bahasa Melayu sebagai pengantarnya, bahasa Melayu dan adat resam Melayu juga turut tersebar bersama-sama dengan agama Islam tersebut. Oleh itu, agama Islam ialah tenaga kudus yang menyebarkan bahasa Melayu dan adat resam Melayu ke seluruh wilayah ini sehingga terkenal dengan nama Kepulauan Melayu atau alam Melayu (*The Malayan Archipelago*) (lihat Marsden 1812, i), yang terwarna dengan syiar Islam atau *sibghatullah* (pewarnaan Ilahi).

Selama lebih 1,000 tahun sejak tertubuhnya negeri Islam Perlak pada tahun 173 H/840 M oleh Sultan Alaidin Syed Maulana Abdul Aziz Syah (Wan Hussein Azmi 1980, 143; M. Junus Djamil 1968, 4), bahasa Melayu telah menjadi bahasa Islam dan penubuhan pusat-pusat pemerintahan Islam yang lain di seluruh kepulauan Melayu misalnya Pasai, Aceh, Melaka, Johor-Riau, Kedah, Kelantan, Terengganu, Patani, Brunei, Banten, Mataram dan kawasan-kawasan lain turut menyebabkan penyebaran dan kedudukan bahasa Melayu menjadi semakin kukuh. Kitab-kitab agama Islam yang dihasilkan di pelbagai wilayah dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi telah tersebar ke seluruh Kepulauan Melayu sebagai teks pengajian di pondok, pesantren dan madrasah. Antara karya utama yang menjadi bahan telaah dan pengajaran sepanjang zaman (lihat Hashim Hj. Musa 2009, 15; 2006b, 39) ialah:

1. *Bidayat al-Hidayat*: tawhid, usul al-din (Muhammad Zain Jalal al-Din Aceh 1757 M)
2. *Siraj al-Huda*: tawhid (Muhammad Zain al-Din al-Samabawi 1886 M)
3. *`Aqidat al-Najin*: tawhid (Zain al-`Abidin al-Fatani 1890 M)
4. *Sirat al-Mustaqim*: feqah (Nur al-Din al-Raniri, Aceh, 1634–1644 M)
5. *Sabil al-Muhtadin*: feqah (Muhammad Arsyad al-Banjari 1780 M)
6. *Hidayat al-Salikin*: tasawuf (‘Abd al-Samad al-Falimbani 1778 M)
7. *Al-Durr al-Thamin*: `usul al-din (Daud al-Fatani 1816 M)
8. *Taj al-`Arus* (Penterjemah: Uthman Shihab al-Din al-Funtiayani 1886 M)
9. *Fath al-`Arifin*: tariqah (Ahmad Khatib Sambas 1878 M)
10. *Matla` al-Badrain*: `usul al-din dan hukum (Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani 1885/1886 M)
11. *Tanbih al-Ghafilin*: hadith (‘Abdullah `Abd al-Mubin al-Fatani 1770 M)

12. *Jawhar al-Mauhub* (ʿAli bin ʿAbd al-Rahman al-Kelantani 1888 M)
13. *Kitab Sifat Dua Puluh: ʿusul al-din* (ʿUthman bin ʿAbdullah Betawi 1886 M)
14. *Kasyf al-Ghaibiyyah: (Zain al-ʿAbdin bin Muhammad al-Fatani 1883 M)*
15. *Munabbih al-Ghafilin* (Abd al-Samad Muhammad Salleh atau Tuan Tabal 1868 M)

Walaupun judul kitab-kitab tersebut adalah dalam bahasa Arab, kitab-kitab tersebut sebenarnya dalam bahasa Melayu sama ada dalam bentuk terjemahan daripada kitab Arab dengan tambahan ulasan oleh penulis-penulisnya atau kitab karangan asli para penulis sendiri. Para penulis/penyusun kitab-kitab tersebut berasal dari pelbagai ceruk rantau Kepulauan Melayu iaitu Aceh, Sambas, Patani, Banjarmasin, Palembang, Puntianak, Kelantan, Betawi, Takbal dan negeri-negeri lain. Hasil daripada kegiatan keilmuan dan persuratan Melayu selama hampir 1,000 tahun tersebut, terutama sekali dalam tulisan Jawi, maka ribuan karya telah ditulis, diterjemahkan atau disesuaikan daripada bahasa Sanskrit, Tamil, Parsi, Arab dan bahasa-bahasa lain. Terdapat dalam anggaran antara 4,000 hingga 10,000 naskhah manuskrip Melayu, Jawa, Aceh, Bugis, Sunda, Sasak, Arab dan bahasa-bahasa lain tersimpan di perpustakaan mahupun milik persendirian di Kepulauan Melayu dan juga di Eropah, Amerika dan negara-negara lain, yakni S. W. R. Mulyady menganggarkan sebanyak 4,000 naskhah, Ismail Hussein pula menganggarkan terdapat 5,000 naskhah manuskrip manakala Russel Jones pula menganggarkan jumlah sebanyak 10,000 naskhah manuskrip yang terlibat (lihat Mahayuddin Hj. Yahya 1994, 349). Manuskrip-manuskrip tersebut merangkumi bidang ilmu pengetahuan, bidang agama Islam, kesusasteraan, perundangan, perubatan, pelbagai petua dalam pekerjaan, sejarah, kemasyarakatan, teknologi (contohnya, membuat keris, meriam, rumah), pengajian bahasa dan penulisan serta pelbagai bidang lagi.

Selain itu, terdapat juga kitab-kitab Jawi yang dikenali dengan nama Kitab Kuning (kerana warna kertasnya yang kekuningan) dicetak sama ada oleh syarikat percetakan di Kepulauan Melayu ataupun di Timur Tengah dan juga India. Martin Van Bruinessen (1989) telah mengumpulkan kitab-kitab tersebut dan dipunggahnya ke KITLV Leiden, hasil pembeliannya di toko-toko buku di Kepulauan Melayu. Kitab-kitab itu digunakan sebagai buku teks atau rujukan di pondok dan pesantren di seluruh Kepulauan Melayu. Beliau telah menyenaraikan sebanyak 900 judul yang berbeza, iaitu terdiri daripada 20% bidang feqah, 17% aqidah dan usuluddin, 12% nahu Arab, 8% koleksi *al-Hadith*, 7% tasawuf dan tariqah, 6% akhlak, 5% koleksi doa, wirid dan mujarabat dan 6% kisah ambia, mawlid al-Rasul dan manaqib. Wan Mohd. Shaghir Abdullah (al-Marhum) dalam Katalog Besar Karya Melayu Islam (Jawi) (belum diterbitkan) menyenaraikan

182 orang pengarang dan sekitar 700 buah kitab (kebanyakan dalam simpanannya) tentang pelbagai bidang ilmu yang terkarang dan tersebar di seluruh dunia Melayu. Karya-karya tersebut telah dihasilkan secara kreatif oleh ratusan penulis dan ulama' di seluruh pelosok Kepulauan Melayu, sama ada berbentuk asli ataupun hasil terjemahan, syarahan, adaptasi daripada kitab-kitab Arab, Parsi, Urdu, Tamil dan lain-lain.

Konsep Islamisasi Alam Melayu

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1969, 5) telah mengemukakan dua elemen utama dalam proses Islamisasi umat Melayu yang boleh disimpulkan seperti berikut:

1. Kemasukan elemen pemikiran rasional daripada agama Islam yang merupakan tenaga yang mengubah corak pemikiran orang Melayu daripada alam mitos yang penuh dengan khayalan terhadap dewa dan raksasa seperti dalam ajaran agama Hindu-Buddha kepada pemikiran yang logikal, rasional dan waras seperti dalam ajaran Islam. Pemikiran tersebut adalah berkenaan Tuhan Yang Maha Esa dan Maha Pencipta seluruh alam yang mentadbir dan memiliki semuanya; dan tentang manusia yang merupakan makhluk Tuhan yang diciptanya dengan sebaik-baik kejadian untuk mengenaliNya dan beribadat kepadaNya. Pemikiran demikian meletakkan kesamarataan taraf bagi semua manusia sama ada pembesar atau rakyat biasa, bahkan yang terlebih mulia ialah yang paling bertakwa. Pemikiran dan konsep demikian tidak wujud pada zaman pra-Islam, sebaliknya bukti pemikiran yang begitu demokratik tersebut adalah pada penulisan kitab-kitab agama Islam yang kebanyakannya ditulis untuk rakyat biasa dan bukan sebagai persembahan untuk raja dan golongan istana seperti zaman sebelumnya. Namun demikian, tulisan yang demikian pula sangat kurang jumlahnya, kebanyakannya adalah seperti yang tersenarai dan juga karya-karya ilmuwan termasyhur yang lain seperti Hamzah Fansuri, Abdul Rauf Singkel, Syeikh Yusuf Makasar, Syeikh Burhanuddin dan sebagainya.
2. Perubahan bahasa Melayu menjadi bahasa Islam dengan penyerapan kosa kata, ungkapan dan istilah Arab/Islam mampu menjadi wadah pengucapan dan penyebaran bukan sahaja untuk kesusasteraan epik, mitos dan roman seperti dalam zaman Hindu-Buddha dan sebelumnya, tetapi juga sebagai wacana falsafah dan pemikiran yang rasional. Hal ini sesuai dengan anjuran al-Qur'an

dalam ayat "*al-Kitāba wa lam yaj'alahû `iwajā*" yang bermaksud "Kitab (al-Qur'an) yang tidak diadakan di dalamnya sebarang kebengkokan" (al-Qur'an 18:1). Penggunaan bahasa Melayu untuk mendukung ilmu-ilmu Islam terutamanya ilmu tasawuf, usuluddin, fikah, tafsir al-Qur'an dan *al-Hadith* di samping kesusasteraan dan persuratan Islam, telah memperkaya bahasa Melayu dengan kemasukan ribuan istilah dan kosa kata daripada bahasa Arab dan Parsi untuk mendukung konsep dan idea yang baharu. Penggunaan bahasa Melayu dalam percambahan kesusasteraan dan pemikiran Islam telah meningkatkan taraf keintelektualan bahasa Melayu menjadi bahasa yang begitu saintifik, logikal dan berwibawa sehingga dapat menggantikan hegemoni bahasa Jawa pada abad ke-16 M, yang sebelum ini amat besar pengaruhnya sebagai pengantar kesusasteraan Hindu-Jawa.

Proses Islamisasi yang berlaku terhadap umat Melayu telah ditegaskan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (rujuk Syed Muhammad Naquib al-Attas 1978, 41–43) yang boleh disimpulkan seperti berikut:

Islamisasi ialah pembebasan manusia pada tahap awalnya daripada tradisi magis, mitos, animisme dan tradisi budaya-nasionalnya, seterusnya pembebasan daripada cengkaman sekularisme ke atas fikiran dan bahasanya. Islamisasi bahasa membawa kepada Islamisasi pemikiran dan akal budinya, kerana bahasa, pemikiran dan akal begitu rapat hubungannya dalam memprojeksikan pandangan alam semestanya atau *worldview*. Pembebasan ini akan mengembalikannya (devolusi bukan evolusi) kepada fitrah kejadiannya yang asal berkeadaan harmonis dan saksama dengan segala kewujudan; iaitu bebas daripada tekanan nafsu badaniah yang bersifat sekular desakan sifat pelupanya yang membawa kepada kejahilan terhadap matlamat kejadiannya dan akan merosakkan dirinya.

Anjakan paradigma pemikiran Melayu dan bahasa Melayu daripada zaman Hindu-Buddha kepada zaman Islam dapat diteliti dengan jelas dalam dua petikan yang berikut:

Hikayat Si-Miskin atau Marakarma (Zaman Hindu-Buddha)

Di negeri Anta Beranta memerintah Maharaja Indera Dewa. Di sana tinggal Si-Miskin dan isterinya yang sangat papa. Kedua mereka dahulu raja di Indera Kayangan tetapi kerana sumpah

Betara Indera terbuang ke bumi. Mereka dinyahkan dengan tongkat dan batu dari istana, kampung dan pasar. Untuk hidup mereka terpaksa makan pucuk tanaman atau ketupat dan tebu yang mereka ambil dari timbunan sampah di tepi jalan. Setelah isteri Si-Miskin mengandung selama tiga bulan dia mengidam buah mempelam dari kebun raja. Raja Maha Indera Dewa telah memperkenankan Si-Miskin mengambilnya. Tiga bulan kemudian isterinya mengidam buah nangka dari kebun raja yang juga diperkenankan oleh Raja. Dia melahirkan seorang anak yang elok parasnya. Anak ini dinamakan Marakarma sebab dia lahir dalam kemiskinan. Pada waktu menggali tanah untuk mendirikan pondok, Si-Miskin telah menjumpai sebuah tajuk penuh emas. Sesudah mandi dia memuja dewa untuk mencipta kota dalam hutan. Si-Miskin memerintah kota itu yang diberi nama Puspa Sari dengan gelaran Maharaja Indera Angkasa dan isterinya bergelar Ratna Dewi. (Teuku Iskandar 1995, 98)

Aqā'id Al-Nasafi (Terjemahan) (Zaman Islam)

Maka segala perkara yang menghasilkan ilmu bagi makhlukat itu tiga perkara: suatu pancaindera yang lima, kedua khabar sadiq (yakni berita benar), ketiga akal. Maka pancaindera yang lima itu suatu pendengar, kedua penglihat, ketiga pencium, keempat perasa lidah, kelima perasa tubuh. Bermula dengan segala sesuatu pancaindera yang lima, daripadanya diketahui atas yang ditentukan ia baginya dengan dia. Bermula khabar sadiq itu atas dua bagi juga: suatu dari dua itu khabar mutawatir, iaitu khabar yang thabit pada segala lidah kaum tiadakan dapat pada budi muafakat mereka atas dusta. Iaitu tahu dengan dibicara diketahui adanya, iaitu menghasilkan bagi ilmu dharuri, seperti tahu akan segala raja-raja yang telah sunyi pada segala masa yang telah lalu, dan segala negeri yang jauh (dalam Syed Muhammad Naquib al-Attas 1988, 53–54).

Proses Islamisasi bahasa Melayu dan umat Melayu dapat dijelaskan daripada madah yang diungkapkan oleh orang Melayu dalam pantun, pepatah-petitih, peribahasa dan seumpamanya, misalnya seperti berikut:

Adat bersendikan syara`
 Syara` bersendikan kitabullah.
 Syara` mengata, adat memakai,
 Ya kata syara`, benar kata adat.
 Apa tanda orang Melayu,

Kepada Islam ia tertumpu.
 Apa tanda orang Melayu,
 Dengan Islam ia menyatu.
 Apa tanda orang Melayu,
 Islam menjadi kain dan baju.
 Apa tanda orang Melayu,
 Islam semata dalam kalbu.

(Tenas Effendy 2004, 32–36)

Dalam sejarah pengislaman orang Melayu, setelah memeluk agama Islam, mereka terus-menerus memperbaiki aqidah, ibadah, mu`amalat, mu`asyarat, akhlak dan niat, dicerminkan oleh madah dan ungkapan dalam bahasa Melayu yang penuh dengan keindahan, kesantunan dan kebenaran melambangkan orang Melayu secara arus perdana berbudi pekerti yang mulia, berbudi bahasa yang halus dan berhati budi yang tinggi sarat dengan ilmu dan kebijaksanaan. Contohnya:

Ingat hidup berbilang hari,
 Pagi lahir petangnya mati,
 Jagalah waktu selagi pagi,
 Banyakkan tunjuk kuat memberi,
 Lembutkan lidah keraskan hati,
 Sebelum nafas engkau berhenti.

Ingat diri makhluk yang lemah,
 Jangan sekali sombong dan pongah,
 Berjalan jangan lapah melapah,
 Berkata jangan sergah menyergah,
 Memberi jangan bergah-bergah,
 Berlayar tahu tempat singgah,
 Berlabuh tahu tempat memungghah.
 Ingat hidup mencari bekal,
 Menurunkan pusaka pada yang tinggal,
 Tahu ke mana hujung dan pangkal,
 Tahu di mana harta berasal,
 Tahu tua tidak menyesal,
 Tahu muda belum berakal.

(Tenas Effendy 2004, 48–50)

Sekularisasi Ilmu, Kekeliruan dan Kepalsuannya

Dalam alam akademik kini, tidak terkecuali juga dalam kalangan kebanyakan ahli akademik Melayu Islam, ilmu dari sudut pandangan kajian sekular rata-rata telah mendominasi sudut pemikiran mereka. Ilmu dari sudut pandangan sekular boleh ditakrifkan sebagai keadaan mengetahui, mengenali, memahami, menyedari dan mengerti sesuatu perkara, fakta atau kejadian sama ada melalui kerja-kerja penyelidikan, pembelajaran ataupun pengalaman dan asosiasi. Himpunan daripada hasil kajian itu juga dinamakan ilmu. Kesimpulan daripada takrifan ilmu yang dilaksanakan seperti demikian boleh diteliti daripada contoh-contoh berikut:

Knowledge is the fact or condition of knowing something with familiarity gained through experience or association; or the circumstances or condition of having apprehending truth or fact through reasoning. (Merriam-Webster's Collegiate Dictionary 1996, 64)

Knowledge in general sense, is the fact or condition of being instructed or of having information acquired by study or research; or acquaintance with ascertained truth; or facts or principles or information acquired by study, learning or erudition. (The Oxford English Dictionary 1989, 517)

Berdasarkan penegasan dan pegangan tersebut, kebanyakan ilmuwan kini, umpamanya John Hospers (1967, 122–157) secara langsung menolak intuisi, wahyu, autoriti dan iman sebagai pembawa kepada ilmu dan dalam hujahnya, beliau menyatakan bahawa hanya pengalaman deria (*sense-experience*) dan penaaakulan (*reasoning*) sahaja merupakan punca saluran ilmu. Falsafah ini bertitik tolak daripada konsep bahawa fakta dan data mesti bersifat empirikal, untuk sah dijadikan sebagai objek penyelidikan ilmu sains yang merupakan asas ilmu pengetahuan. Tegas Hospers:

The word "intuition" is simply a cover-up term for our ignorance, revealing only that we do not know how we are able to do this [i.e. arriving at an answer or a solution]. Intuition, as we have seen, would tell us nothing about the "validating procedure"...people's intuition are notoriously fallible. (Hospers 1967, 138)

Moreover, there are competing candidates for the position of true revelation: the Bible, the Qur'an, and numerous other works each makes this claim [of truth]. How are we to know which of

these various claimants to accept? If the claims made are such that sense-experience or reason could substantiate them, then it is because of this, and not because the book says so, that we believe that the claims are true. (Hospers 1967, 140)

Definisi dan kesimpulan yang dipetik secara representatif tersebut (bukan secara tuntas) menjelaskan bahawa pendekatan ilmu yang bersifat sekular telah meletakkan punca pemerolehan ilmu kini hanya terhad kepada pengalaman deria (*sense-experience*) dan penaakulan (*reasoning*) yang boleh ditanggapi pancaindera dan dikesan oleh alat sains sahaja, serta menolak punca wahyu dan intuisi.

Pada masa kini, ilmu diklasifikasikan mengikut disiplin sains tertentu, misalnya sains hayat, kimia, fizik, matematik, perubatan, kejuruteraan, pergigian, ekonomi, politik, perakaunan, sosiologi, antropologi, linguistik, psikologi dan sebagainya, dan semua ilmu sains tersebut dianggap sama taraf dan keperluannya dari segi disiplin masing-masing. Ilmu-ilmu sains berkenaan amat perlu dipelajari dalam membina dan memajukan kehidupan di dunia ini, justeru dianggap sebagai bertaraf tinggi dan dinamakan ilmu duniawi. Ilmu agama pula dinamakan ilmu ukhrawi, iaitu untuk keperluan akhirat semata-mata, justeru tidak dianggap penting untuk membina dan memajukan kehidupan di dunia ini lantas menempatkan ilmu tersebut sebagai bertaraf lebih rendah. Pandangan berkenaan ilmu sekular tersebut turut menular dalam kalangan para ahli akademik Melayu Muslim lantas menimbulkan sekurang-kurangnya dua jenis kekeliruan dan kecelaruan utama yang boleh membawa kepada kepalsuan ilmu, iaitu ilmu yang tidak membawa manusia kepada kebenaran dan keyakinan serta menjejaskan dan juga melunturkan akidah dan iman orang Islam, iaitu:

1. kekeliruan ilmu dan konsep kebenaran, dan
2. kecelaruan konsep penarafan atau martabat ilmu.

Kekeliruan Ilmu dan Kebenaran

Fakta dari sudut pandangan Islam bukan sekadar bersifat empirikal yang boleh ditanggapi pancaindera dan dikesan oleh alat sains semata-mata, seperti yang dikonsepsikan oleh ilmu bersifat sekular, bahkan fakta juga merangkumi apa-apa jua yang mampu ditanggapi oleh akal dan kalbu/roh, sama ada bersifat empirikal, rasional, logikal mahupun supralogikal (mistikal). Sebagai contoh, udara bersifat empirikal, dikesan oleh pancaindera dan alat sains. Kewujudan Tuhan pula tidak boleh dikesan oleh pancaindera dan alat sains, tetapi boleh dibuktikan dengan hujahan secara rasional dan logikal, iaitu berdasarkan kejadian alam ini dan segala yang ada di dalamnya, yang begitu sistematik, seimbang, kompleks dan sempurna; yang tidak masuk akal jika berpunca, terjadi dan bergerak secara

sendiri tanpa ada Kuasa Yang Maha Agung, iaitu Tuhan Yang Maha Esa, yang menjadikannya dan mentadbir segala-galanya. Seterusnya, kewujudan alam akhirat tidak boleh dikesan oleh pancaindera, alat sains dan bukti logikal tetapi ilmu tentangnya disampaikan melalui wahyu Tuhan kepada para Rasul A.S. dalam bentuk supralogikal atau mistikal yang sampai ke hati kalbu. Oleh itu, setiap unsur yang dapat ditanggapi dan dikesan oleh pancaindera atau alat sains serta akal dan kalbu, yang bersifat sama ada empirikal, rasional, logikal atau supralogikal dan mistikal, boleh dianggap sebagai fakta dari sudut pandangan Islam.

Dalam terjemahan bahasa Melayu *Aqā'id Al-Nasafi*, yang memulakan tradisi pengkonsepsian ilmu rasional dalam masyarakat Melayu, telah dinyatakan bahawa perolehan ilmu berkenaan data dan fakta adalah melalui tiga kaedah, iaitu (1) pancaindera yang lima, (2) perkhabaran yang benar dan (3) akal, seperti berikut:

Maka segala perkara yang menghasilkan ilmu bagi makhlukat itu tiga perkara: suatu pancaindera yang lima, kedua khabar sadiq (yakni berita benar), ketiga akal. Maka pancaindera yang lima itu suatu penengar, kedua penglihat, ketiga pencium, keempat perasa lidah, kelima perasa tubuh. Bermula dengan segala sesuatu pancaindera yang lima, daripadanya diketahui atas yang ditentukan ia baginya dengan dia. Bermula khabar sadiq it atas dua bagi juga: suatu dari dua itu khabar mutawatir, iaitu khabar yang thabit pada segala lidah kaum tiadakan dapat pada budi muafakat mereka atas dusta. Iaitu tahu dengan dibicara diketahui adanya, iaitu menghasilkan bagi ilmu dharuri, seperti tahu akan segala raja-raja yang telah sunyi pada segala masa yang telah lalu, dan segala negeri yang jauh. Kedua bagi khabar Rasulullah salla l-Lahu 'alaihi wasallam yang dikuatkan dengan mu'jizat (yakni melemahkan) (dalam Syed Muhammad Naquib al-Attas 1988, 53–54).

Tradisi pengkonsepsian ilmu rasional yang berpandukan dasar ilmu daripada *Aqā'id al-Nasafi* tersebut menjadi asas ilmu saintifik dalam kalangan orang Melayu yang menolak tahyul, khayalan dan fantasi seperti yang wujud dalam zaman Hindu-Buddha. Bagi ilmuwan Melayu, data merupakan sejumlah fakta yang dikutip, dicatat dan dipersembahkan dalam bentuk yang eksplisit/nyata yang, seperti disebutkan sebelum ini, boleh bersifat empirikal, rasional, logikal atau supralogikal/mistikal. Setelah fakta dan data yang sedemikian dimengerti, difahami, dikenali dan disedari oleh akal sama ada melalui penaakulan, penyelidikan, kajian dan asosiasi/perkhabaran ataupun melalui ilham (bagi orang

biasa) dan wahyu (bagi para Rasul A.S.), maka terbentuklah ilmu. Ilmu yang diperoleh melalui kajian, penaakulan, dan asosiasi/perkhabaran merupakan ilmu perolehan iaitu, seperti yang dinyatakan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas, ilmu yang hati budi sampai kepada maknanya. Ilham dan wahyu pula merupakan ilmu yang bersifat spontan dan langsung, iaitu ketibaannya dalam hati budi secara langsung dan spontan, iaitu merupakan ilmu anugerah Tuhan, iaitu hati budi sampai kepada maknanya (Syed Muhammad Naquib al-Attas 1989, 27). Oleh yang demikian, berdasarkan kaedah pemerolehan ilmu, satu sudut pandangan (lihat Ahmad Tafsir 2000, 18; Hashim Hj. Musa 2001, 4; 2006b, 52) menyatakan bahawa terdapat empat jenis ilmu jika dilihat dari segi sifat objeknya, kaedah pemikirannya, kaedah kajiannya serta anggota penanggapan dan cara pengukurannya, iaitu seperti yang tertera dalam Jadual 1.

Ilmu (pengetahuan imbasan) adalah pengetahuan yang diperoleh manusia melalui tanggapan pancainderanya merupakan satu imbasan atau impression yang terbentuk dalam fikiran secara sepintas lalu dan bersifat sementara dengan pengukuran kebenaran ilmu tersebut adalah berasaskan deria/pancaindera semata-mata. Sifat dan nilai kebenaran ilmu imbasan masih bersifat sementara dan boleh berubah-ubah kerana sentiasa dipengaruhi oleh emosinya. Misalnya, seseorang yang sangat kehausan di padang pasir akan menyangka fatamorgana air tasik sebagai benar oleh pancainderanya. Ilmu pada tahap ini dianggap sebagai ilmu yang paling rendah dan sementara tarafnya.

Ilmu sains pula merupakan pengajian tentang objek yang empirikal/zahiriah berdasarkan penelitian dan eksperimen yang logikal dan empirikal dengan nilai kebenarannya diukur berasaskan akal dengan bukti empirikal dan logikal. Ilmu yang sedemikian adalah terhad kepada objek yang bersifat empirikal dalam alam fenomena dan mengetepikan segala objek bersifat abstrak atau transendental yang tidak mempunyai atau merentasi ruang dan waktu, misalnya alam arwah, alam malakut, alam akhirat dan seumpamanya.

Ilmu falsafah adalah ilmu yang mengkaji dan meneliti objek bersifat abstrak dan logikal yang merupakan hakikat kepada benda-benda dan kejadian dalam alam semesta dan juga seluruh kewujudan, yang dilihat dan dihuraikan secara holistik atau menyeluruh berdasarkan paradigma berfikir yang logikal dengan kaedah renungan, penaakulan dan hujahan yang logikal dan rasional dengan nilai kebenarannya diukur berasaskan akal yang rasional dan logikal. Namun demikian, ilmu tersebut hanya terhad kepada objek yang dapat dijangkau oleh akal manusia setelah menerima petunjuk wahyu, misalnya ilmu tentang alam arwah dan akhirat.

Ilmu mistik pula adalah ilmu tentang objek yang abstrak dan/atau transendental, iaitu merentasi pelbagai alam wujud berdasarkan paradigma pemikiran yang

mistikal dan supralogikal, yang diperoleh melalui kaedah latihan, amalan dan persediaan yang bersifat etika, jasmani dan rohani, dan pencapaiannya melalui intuisi/ilham, kasyaf dan wahyu, dengan hati kalbu sebagai anggota penerimanya, manakala nilai kebenarannya berasaskan iman dan yakin yang boleh dibuktikan juga melalui hujahan yang rasional dan logikal. Ilmu demikian dianggap sebagai ilmu pada taraf tertinggi bukan sahaja kerana nilai kebenarannya adalah mutlak, yang menjadi kriteria kebenaran bagi ilmu-ilmu yang lain, tetapi juga bersifat menyeluruh dan *ultimate*, bukan serpihan seperti pada tahap ilmu sains.

Jadual 1. Jenis-jenis ilmu pengetahuan manusia

Jenis ilmu	Sifat objek	Paradigma pemikiran	Kaedah pencapaian	Anggota ukuran
Imbasan	Empirikal	Imbasan	Pengalaman pancaindera	Deria. Benar secara cerapan deria
Sains	Empirikal	Positivistis	Eksperimen saintifik	Deria dan akal. Benar secara empirikal dan logikal
Falsafah	Abstrak, logikal	Logik	Renungan dan penaakulan, hujahan rasional	Akal. Benar secara logikal dan rasional
Mistik	Abstrak, transendental	Mistikal, supralogikal	Amalan, persediaan jasmaniah dan rohaniah. Intuisi/ilham kasyaf, wahyu	Hati kalbu, rasa. Benar berdasarkan iman dan yakin

Sumber: Ahmad Tafsir 2000, 18; Hashim Hj. Musa 2001, 4; 2006b, 52

Berdasarkan hujah tersebut, seluruh hakikat ilmu dan kebenaran dalam al-Qur'an dan *al-Hadith* bagi orang Islam merupakan fakta benar lagi sahih yang diwahyukan oleh Tuhan, iaitu sampai sama ada melalui perantaraan Jibril a.s. (untuk al-Qur'an) atau secara langsung (untuk *al-Hadith*) kepada kalbu Nabi Muhammad S.A.W. yang *ummi*, yang tidak pandai membaca dan menulis, dan bukannya hasil pembelajaran dan pengalaman pancaindera Baginda. Orang Melayu sebagai pemeluk agama Islam menerima kebenaran ilmu ini sebagai yang mutlak dan segala pernyataan yang ada di dalamnya merupakan fakta yang sah dan absah, bukan mitos, epik atau legenda.

Dari sudut pandangan hati budi orang Melayu Islam yang kehidupannya tidak terpisah daripada agamanya sejak buaian sehingga ke liang lahad, ilmu adalah sifat mengetahui dan mengerti tentang sesuatu perkara yang dimiliki manusia dan hanyalah cebisan yang kecil daripada ilmu Tuhan yang maha luas setara dengan sifatNya Yang Maha Berilmu (العالم) seperti yang disebutkan dalam al-Qur'an, "Dan sesungguhnya Tuhanmu mengetahui segala apa yang ada di langit dan di bumi" (al-Qur'an 17:55). Ilmu yang dimiliki manusia sama ada hasil daripada

pengajian dan penyelidikan masing-masing mahupun hasil ilham dan wahyu adalah daripada Tuhan jua, seperti yang dijelaskan dalam al-Qur'an:

Maksudnya: Tuhan yang mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya.

(al-Qur'an 96:5)

Maksudnya: Mereka (para Malaikat) berkata: Maha Suci Engkau (Tuhan), kami tidak mengetahui selain apa yang Dikau ajarkan kami. Dikaulah Yang Maha Berilmu dan Bijaksana.

(al-Qur'an 2:32)

Orang Melayu berkeyakinan bahawa walaupun ilmu yang dicapai melalui hasil penyelidikan dan pengajian manusia adalah daripada aktiviti akalinya, iaitu ilmu *aqali* atau *husuli* (lihat Osman Bakar 1995, 18), namun yang mencenderungkan dan menggerakkan akalinya ke arah kebaikan dan mengizinkan terhasilnya sesuatu aktiviti akal itu adalah Tuhan jua, seperti yang disebut dalam al-Qur'an:

Maksudnya: (Tuhan) yang mengetahui apa yang ada di hadapan (masa nanti) dan apa yang ada di belakangnya (masa sebelum), sedangkan mereka (manusia dan makhluk lain) tidak mengetahui sesuatu pun dari ilmu-Nya melainkan apa yang dikehendaki-Nya...

(al-Qur'an 2:255)

Orang-orang Melayu yang berilmu telah diajar, sejak penterjemahan *`Aqā'id al-Nasafī* karya `Umar Najm al-Din al-Nasafī dan penyebarannya yang menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas telah diperkenalkan ke alam Melayu sekitar 1590 M (rujuk Syed Muhammad Naquib al-Attas 1988, 9), iaitu bahawasanya ilmu diperoleh melalui empat saluran; pancaindera yang sempurna, hujahan yang waras, laporan atau khabar yang benar berdasarkan autoriti, dan intuisi termasuk ilham dan wahyu (bagi para Nabi `alaihiisalam). Bagi orang Melayu, tujuan memperoleh ilmu pengetahuan adalah untuk mencapai hakikat kebenaran yang membawa kepada keyakinan yang padu dan teguh, yakni tidak berubah-ubah lagi, misalnya keyakinan tentang adanya Tuhan yang tunggal iaitu Allah, mahupun keyakinan tentang kehidupan di dunia yang sementara sebagai tempat membuat persediaan untuk kehidupan akhirat yang kekal abadi selama-lamanya.

Oleh itu, kaedah pencarian dan penyelidikan ilmu dalam kalangan orang Melayu bermula dengan konsep keyakinan terlebih dahulu, iaitu yakin bahawasanya alam ini dan segala yang ada di dalamnya baik yang zahir mahupun yang ghaib, yang dahulu, yang sekarang dan yang akan datang merupakan hasil ciptaan Tuhan daripada tiada kepada ada, dengan Ucapan Kudus Tenaga Ciptaan Ilahi (*Divine*

Utterance of Creative Energy) "Kun/Jadi" maka "Fayakun/Jadilah ia" (kecuali manusia yang dijadikan Allah dengan tangan [qudratNya]: *khalaqtu biyadiyya* [al-Qur'an 38:75]). Segala hukum dan sistem yang terdapat dalam alam ini bukanlah hukum yang terjadi sendiri atau hukum alam semula jadi, namun segala-galanya hasil ciptaan dan penetapan daripada Qudrat (Kuasa), Iradat (Kehendak) dan Ilmu Tuhan Yang Maha Agung. Segala kebenaran dan keyakinan ini berpandukan satu sumber autoriti yang sah (*valid*), absah (*legitimate*) dan muktamad (*absolute*) iaitu Tuhan "Yang mengajar manusia melalui pena/tulisan. Yang mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya" (al-Qur'an 96:4-5).

Kaedah pencarian ilmu dan penyelidikan dari sudut ilmu sekular Barat pula bermula daripada konsep "kecurigaan" (*doubt/sya'*) dan "andaian" (*conjecture/zann*), iaitu mencurigai kebenaran sesuatu perkara atau benda, melalui proses eksperimen yang menolak satu demi satu (*elimination process*) apa-apa yang tidak benar daripada andaian awal itu sehinggalah sampai kepada penghujung yang diharapkan sebagai suatu kebenaran. Kebenaran yang ditemui hanya benar pada masa itu berdasarkan data, teori dan kaedah penyelidikan yang wujud pada masa itu. Kemunculan data, teori dan kaedah penyelidikan yang baharu akan menjadikan kebenaran yang lama ditolak dan kebenaran yang baharu pula muncul. Kebenaran tersebut berubah-ubah dari suatu masa ke suatu masa, dipengaruhi oleh perubahan nilai, cita rasa, aspirasi dan *worldview* masyarakatnya kerana nilai kebenaran itu tidak berpandukan satu autoriti yang sah, absah dan muktamad. Satu-satu autoriti tertentu, contohnya seorang ilmuwan, mungkin dianggap paling berwibawa ilmunya pada ketika itu namun setelah muncul ilmuwan baharu dengan penemuan yang juga baharu, maka autoriti yang lama itu sudah tidak sah lagi. Begitulah halnya dengan kecelaruan kebenaran yang berpunca daripada kekeliruan ilmu sekular Barat.

Kecelaruan Konsep Martabat Ilmu

Satu lagi kecelaruan yang parah dalam kalangan orang Melayu akibat daripada proses sekularisasi terhadap orang Islam adalah dari segi martabat atau taraf ilmu. Ilmu-ilmu yang dinamakan ilmu duniawi, iaitu ilmu sains dan teknologi, yang berguna untuk membangunkan dunia dianggap sebagai ilmu yang terpenting, lantas menyebabkan paling banyak tumpuan usaha, fikiran dan masa digunakan untuk ilmu tersebut. Ilmu agama Islam yang diistilahkan dengan salah sebagai ilmu ukhrawi pula tidak dianggap penting kerana tidak mustahak untuk membangunkan kehidupan di dunia ini.

Dari sudut pandangan Islam, ilmu berdasarkan fungsi, keperluan atau kegunaan yang hakiki dan abadi, terdiri daripada dua jenis martabat (lihat Syed M. Naquib al-Attas 1991, 40), iaitu (1) ilmu fardu `ain dan (2) ilmu fardu kifayah.

1. Ilmu fardu `ain ialah perlu dan berguna bagi setiap manusia secara individu, dan pencariannya dituntut ke atas setiap individu misalnya ilmu tentang aqidah, ibadah, mu`amalah, mu`asyarah, dan akhlak. Setiap orang Islam seharusnya memberi keutamaan yang tertinggi untuk menguasai ilmu-ilmu itu tanpa kompromi dan penangguhan kerana darjah penguasaan dan pengamalannya akan menentukan nasibnya yang sebenar baik bagi kehidupannya di dunia lebih-lebih lagi di akhirat yang merupakan kehidupan yang sebenar dan kekal abadi. Aqidah berkait dengan keimanannya, ibadah berkait dengan segala perlakuan ibadatnya yang formal, mu`amalat berkait dengan segala interaksi budayanya, misalnya perlakuan jual beli, perjanjian, kontrak, pentadbiran, perundangan dan sebagainya, mu'asyarat berkait dengan interaksi sosialnya misalnya hubungan kekeluargaan, kejiranan, kemasyarakatan dan sebagainya, manakala akhlak berkait dengan tingkah laku, budi bahasa dan budi pekertinya, yang semua itu mesti berdasarkan peraturan dan hukum syari`ah.
2. Ilmu fardu kifayah ialah ilmu yang diperlukan dan berguna kepada kelompok manusia secara kolektif, tetapi pencariannya dituntut ke atas segelintir yang apabila dipenuhi maka tuntutan telah tercapai, misalnya semua ilmu ikhtisas dan profesional seperti kedokteran, pertanian, kejuruteraan dan lain-lain.

Kedua-dua ilmu tersebut dituntut supaya dipelajari; iaitu ilmu fardu `ain oleh setiap orang Islam tanpa kecuali dan kompromi dengan penguasaannya mestilah sempurna dan lengkap manakala ilmu fardu kifayah pula oleh segelintir orang yang berbakat dan berkeupayaan dalam bidang-bidang masing-masing. Lantaran kecelaruan taraf dan martabat ilmu maka pada masa kini, ilmu fardu kifayah lebih diutamakan dalam sistem pendidikan berbanding ilmu fardu `ain.

Konsep Kebenaran Ilmu dari Sudut Pandangan Islam

Dalam dunia akademik kini, teori ilmu dan konsep kebenaran ilmu merupakan satu masalah yang berpanjangan kerana ketiadaan konsep kebenaran yang muktamad (*final*) dan mutlak (*absolute*). Kebenaran dianggap sebagai suatu keadaan yang relatif; sentiasa berubah-ubah mengikut peredaran zaman, suasana dan keadaan semasa dalam sesebuah masyarakat, kerana yang menetapkan nilai kebenaran adalah masyarakatnya yang turut berubah berdasarkan *variabel*

perubahan, misalnya cita rasa, gaya hidup, prasarana dan sebagainya, yang dengan itu mengubah pula nilai dan prinsip kebenaran itu sendiri. Contoh yang jelas tentang nilai kebenaran yang berubah-ubah adalah hukuman bunuh bagi mereka yang melakukan jenayah berat yang pada suatu masa tertentu dianggap tidak sesuai lagi atas sebab mengambil nyawa manusia adalah bertentangan dengan hak asasi manusia dan tidak sesuai bagi masyarakat manusia yang bertamadun (*civilised society*). Oleh itu, hukuman bagi jenayah berat tersebut adalah penjara seumur hidup. Namun begitu, hukuman bunuh bagi jenayah demikian diadakan kembali pada masa kini kerana terlalu banyak jenayah berat berlaku secara berleluasa. Dalam teori ilmu dan sains kini secara umumnya, terdapat tiga teori kebenaran yang dipegang secara meluas (rujuk Hospers 1967,115; Hashim Hj. Musa 2006a, 60) iaitu:

1. Teori kebenaran berdasarkan keselarasan antara penegasan dengan fakta (*correspondence theory of truth*), iaitu sesuatu kenyataan itu benar jika ia berselari dengan fakta yang ada dalam alam fenomena ini,
2. Teori kebenaran berdasarkan keserasian perkara-perkara yang terdapat dalam sesuatu sistem yang telah diterima kebenarannya (*coherence theory of truth*), jika sesuatu perkara atau perbuatan itu serasi dengan keperluan dan keadaan masyarakat, maka perkara atau perbuatan itu adalah benar dan patut, dan
3. Teori kebenaran berdasarkan kegunaan, iaitu sesuatu itu benar jika ia berguna kepada masyarakat (*functional theory of truth*) yang dipegang oleh golongan pragmatisme.

Dalam teori "kebenaran berasaskan keselarasan", kenyataan berkenaan perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan nilai seperti lokasi, bilangan, jarak dan sebagainya boleh diterima. Walaupun begitu, jika sesuatu kenyataan/penegasan mempunyai kaitan dengan nilai etika dan moral, maka prinsip keselarasan kebenaran tersebut adalah sukar untuk dipertahankan. Contohnya, hubungan sesama jantina (homoseksualisme dan lesbianisme) merupakan fenomena yang lumrah di Barat dewasa ini, lantas undang-undang yang menghalalkan hubungan demikian adalah sesuatu yang wajar kerana selari dengan fakta dalam masyarakat. Biarpun dari segi fakta, undang-undang tersebut adalah benar, tetapi undang-undang tersebut tidak benar dari segi fitrah kejadian manusia yang secara naluriah (*natural*) kerana hubungan yang wajar dan tepat adalah antara lelaki dan perempuan demi melahirkan zuriat keturunan. Fakta yang terdapat dalam alam ini berkemungkinan merupakan hasil manipulasi manusia, justeru tidak lagi tepat dan benar dari segi fitrah, kesaksamaan dan keadilannya.

Teori "keserasian kebenaran" juga boleh berubah-ubah. Misalnya, undang-undang yang mengenakan hukum bunuh terhadap penjenayah berat pada masa ini diterima sebagai wajar, benar dan selari dengan kehendak masyarakat kerana jenayah yang berleluasa, tetapi pada suatu masa dahulu dianggap tidak wajar dan benar kerana mengambil nyawa adalah tidak selari dengan nilai masyarakat yang bertamadun (*civilised society*).

Teori "kebenaran berasaskan kegunaan" juga berubah-ubah dan adakalanya bertentangan antara suatu masa dengan masa yang lain. Misalnya, menurut falsafah empirisme dan positivisme logikal (yang berpegang kepada hakikat kebenaran berdasarkan bukti empirikal) terhadap kepercayaan kepada Tuhan bahawa kewujudannya tidak boleh dibuktikan secara empirikal maka adalah tidak benar, namun kepercayaan tersebut boleh diterima sebagai benar jika memberi kebaikan kepada penganutnya, misalnya dapat menenangkan mereka semasa berlakunya tragedi dan kematian. Dengan demikian, timbullah keadaan percanggahan dan konflik yang amat kacau tentang konsep kebenaran.

Konsep kebenaran yang tepat mengikut pandangan orang Melayu Islam adalah selain daripada wujudnya keadaan keselarasan, keserasian dan kegunaan sesuatu perkara serta perlakuan dalam masyarakat dan juga alam ini, hendaklah wujud keadaan kewajaran, kesaksamaan dan keadilan juga. Oleh itu, terdapat tiga tahap konsepsi kebenaran (Hashim Hj. Musa 2006a, 62–63), iaitu:

1. Kebenaran atau *truth* sebagai satu keadaan, kualiti atau sifat berkaitan dengan penegasan kita tentang sesuatu fakta (sesuatu yang wujud dalam alam fenomena ini), iaitu terdapat keadaan keselarasan dan keserasian antara penegasan dan fakta itu,
2. Kebenaran yang merujuk kepada keadaan adanya fakta itu di dalam alam dan kewujudan ini yang sebenarnya, iaitu wujud di luar daripada diri kita bukan setakat dalam fikiran semata-mata, dan
3. Sifat dan keadaan wujud dan adanya fakta itu haruslah dalam kedudukan yang adil, saksama, sesuai, wajar dan tepat berdasarkan kriteria kebijaksanaan dan penilaian yang mutlak dan muktamad bukannya yang relatif dan berubah-ubah. Kriteria yang mutlak dan muktamad itu didasarkan di atas autoriti yang sah (*valid*), iaitu dibenarkan oleh majoriti masyarakat dan absah (*legitimate*) dari segi hukum agama, iaitu bukan sahaja dibenarkan oleh majoriti masyarakat tetapi juga dibenarkan oleh hukum agama yang bersumberkan wahyu daripada Tuhan dan disampaikan oleh Pesuruh Tuhan yang suci, amanah, jujur dan ikhlas.

Dengan berpandukan tiga tahap konsepsi demikian, maka takrif kebenaran boleh dinyatakan sebagai keadaan kewajaran dan kesesuaian (*suitableness*) dari segi keselarasan (*correspondence*) dan keserasian (*coherence*) antara penegasan dengan fakta dan juga dari segi keadaan dan sifat fakta tersebut yang wujud dalam keadaan adil, saksama, cocok, sesuai dan wajar berdasarkan kriteria kebijaksanaan dan penilaian yang mutlak dan muktamad daripada autoriti yang sah dan absah. Pengkonsepsian atau pemerolehan kebenaran yang demikian akan membawa seseorang ke arah memperoleh ilmu yang benar. Ilmu yang benar seperti yang ditakrifkan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas, "ialah kebolehan mengenali tempat yang benar dan wajar bagi letaknya sesuatu itu di dalam ketertiban penciptaan (*recognition and acknowledgment of the proper places of things in the order of creation*), yang dengan itu akan membawa kepada kebolehan mengenali tempat yang benar dan wajar bagi Tuhan dalam ketertiban wujud dan kewujudan (*so that it leads the recognition and acknowledgment of the proper place of God in order of being and existence*)" (Syed Muhammad Naquib al-Attas 1991, 20).

Seterusnya, Syed Muhammad Naquib al-Attas (*ibid*) menegaskan bahawa "keadaan mengetahui dan mengenali duduknya sesuatu secara tepat dan wajar di dalam alam semesta dan juga di dalam perlakuan manusia dinamakan sebagai ilmu yang benar atau hak". Ilmu yang hak itu menghendaki seseorang itu meletakkan dirinya dan segala perlakuannya mengikut ilmu yang hak tersebut, yakni ilmu yang hak mempunyai hak untuk ditunaikan oleh manusia sebagai satu tanggungjawab yang dengan perbuatan itu, seseorang manusia itu sebenarnya telah meletakkan dirinya pada tempatnya yang hak iaitu tepat dan wajar. Jika beliau mengabaikan hak tersebut, iaitu beliau tidak meletakkan dirinya dalam kebenaran, beliau dikatakan sebagai tidak menunaikan hak dan tanggungjawabnya dan dengan itu, telah berlaku zalim terhadap dirinya. Hal ini diisytiharkan oleh al-Qur'an dalam Surah al-A'raf, ayat 23, *ظلمنا أنفسنا* yang bermaksud, "Kami menzalimi diri kami sendiri".

Pengenalan, pengesahan dan penunaian hak melibatkan proses menjadikan diri berada dalam keadaan hak/benar, iaitu mengaktualisasi hak dalam diri atau menjadikan diri berhak; iaitu benar dan menunaikan kebenaran. Perkara inilah yang dinamakan pendidikan, iaitu mempelajari apa-apa yang benar dan sesudah itu, mengamalkan kebenaran tersebut.

Kesimpulan

Dalam alam akademia kini, telah diujahkan bahawa sudut pandangan sekular mendominasi kajian saintifik iaitu dengan menyatakan bahawa ilmu tersebut hanya diperoleh melalui pembelajaran, penyelidikan dan pengalaman

pancaindera semata-mata. Berdasarkan hujah-hujah dalam perbincangan sebelum ini, bidang pengajian bahasa termasuklah kajian bahasa Melayu dan juga kajian tentang ilmu pengetahuan secara keseluruhannya, harus disesuaikan dengan pandangan dan pegangan orang Melayu Islam. Sudut pandangan ilmu sekular tidak memungkinkan terdapatnya ilmu yang berbentuk ilham dan wahyu yang bukan hasil daripada pembelajaran, penyelidikan dan pengalaman pancaindera. Walhal orang Melayu Islam berpendapat bahawa seluruh pengetahuan tidak terpisah daripada ilmu wahyu, iaitu al-Qur'an dan *al-Hadith*. Segala ilmu adalah sah (*valid*) dan absah (*justified*) jika disahkan oleh ilmu yang bersumberkan wahyu. Teori evolusi Darwin misalnya, yang mengandaikan bahawa kejadian makhluk manusia adalah hasil proses evolusi daripada mawas dan bahawa bahasa manusia hasil ciptaan manusia semata-mata, bertentangan dengan al-Qur'an yang menegaskan bahawa "Dia (Allah) yang menjadikan umat manusia. Dia mengajarkannya percakapan/bahasanya" (*Khalaqa l-insan, `al-lamahu l-bayan*) (al-Qur'an 55:3-4).

Kajian ilmu linguistik moden yang bersifat sekular kini mengandaikan bahawa bahasa adalah hasil ciptaan manusia dan menganggap hakikat bahasa tidak lebih daripada bentuk zahirnya semata-mata, iaitu struktur bunyi dan tulisannya sahaja yang tiada kaitan dengan hati budi dan juga dengan akidah dan amalan Islamnya, iaitu mengenyahkan ciri kekudusan bahasa sebagai wahana untuk mengenal Tuhan dan mengungkapkan ilmu yang benar. Oleh itu bagi orang Melayu, asas yang mendasari segala pengungkapan dan pengucapan kesusasteraan, kebudayaan, keseniannya, kebahasaan dan pemikiran dalam bentuk yang ideal dan arus perdana (*ideal and mainstream form*) seharusnya adalah kebenaran mutlak yang bersumberkan ilmu yang diwahyukan Allah. Namun begitu, hal ini tidak bermakna bahawa dalam manifestasi perlakuan gelagat hidup sama ada dalam perlakuan budaya, mahupun dalam pengucapan kesusasteraan, kesenian dan pemikiran tersebut tidak akan timbul bentuk-bentuk peminggiran yang terseleweng daripada yang ideal dan arus perdana tersebut, yang melambangkan kelemahan manusia dalam menuju ke arah kebenaran. Walaupun mungkin bentuk yang terseleweng demikian agak lumrah, tetapi perkara tersebut tidak mengesahkannya sebagai benar. Dengan berpandukan hujah dan perbincangan sebelum ini, ditegaskan bahawa ilmu yang salah tetap salah walaupun agak meluas; dan ilmu yang benar tetap benar walaupun kelihatan sedikit dan tidak begitu lumrah. Kayu ukur dan nilai kebenaran bagi orang Melayu Islam adalah ilmu yang diwahyukan Tuhan, iaitu al-Qur'an dan *al-Hadith* sebagai autoriti kebenaran yang multak dan kekal yang bersumberkan Tuhan Yang Maha Benar dan Maha Mengetahui.

Bibliografi

- Abdul Samad al-Falembani. 1935. *Hidayat al-Salikin*. Pulau Pinang: Matba'ah Dar al-Ma'arif.
- Abdullah Yusuf Ali. 1938. *The glorious Qur'an: Translation and commentary*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad Tafsir. 2000. *Filsafat umum*. Bandung, Indonesia: Penerbit Rosdakarya.
- Bruinessen, M. V. 1989. Penggunaan kitab Fiqh di pesantren Indonesia dan Malaysia. *Pesantren* 6(1): 36–51.
- Hashim Hj. Musa. 2009. Early Jawi materials and the creation of a network of Malay Islamic centres. *The Journal of Sophia Asian Studies* 27: 9–20.
- _____. 2006a. *Pengantar falsafah bahasa*. 2nd Ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 2006b. Islam dan kebahasaan Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu* 17: 34–89.
- _____. 2001. *Falsafah, logik, teori nilai dan etika Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Hashim Musa. 2010. *Karya agung kitab pengetahuan bahasa Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Hospers, J. 1967. *An introduction to philosophical analysis*. Woking & London: Unwin Brothers.
- M. Junus Djamil. 1968. *Silsilah tawarich radja2 keradjaan Atjeh*. Bandar Aceh, Indonesia: Kodam I Iskandar Muda, 4.
- Mahayuddin Hj. Yahya. 1994. *Naskah Jawi: Sejarah dan teks jilid I*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marsden, W. 1812. *A grammar of the Malayan language with an introduction and praxis*. London: Crosby Lockwood and Son.
- Merriam-Webster's Collegiate Dictionary*. 1996. 10th Ed. Massachusetts: Merriam-Webster.
- Muhamed Sufian Hashim. 1976. *Introduction to the Constitution of Malaysia*. Kuala Lumpur: Government Printing Press.
- Osman Bakar. 1995. Beberapa aspek falsafah ilmu: Konsep, definisi, pengelasan dan penggunaan. *KESTURI: Jurnal Akademi Sains Islam Malaysia* 5(2): 7–25.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. 2001. *Risalah untuk kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: The International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- _____. 1995. *Prolegomena to the metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: The International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- _____. 1991. *The concept of education in Islam*. Kuala Lumpur: The International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- _____. 1988. *The oldest known Malay manuscript: A 16th century Malay translation of the 'Aqā'id of al-Nasafī*. Kuala Lumpur: Art Printing Works Sdn. Bhd.
- _____. 1978. *Islam and secularism*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- _____. 1972. *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- _____. 1969. *Preliminary statement on a general theory of the Islamization of the Malay-Indonesia archipelago*. Kuala Lumpur: Museums Department, States of Malaya.
- The Oxford English Dictionary*. 1989. 2nd Ed. Vol. VIII. Oxford, UK: Clarendon Press.
- Tenas Effendy. 2004. *Tunjuk ajar Melayu: Butir-butir budaya Melayu Riau*. Yogyakarta, Indonesia: Adicita dan Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu.
- Teuku Iskandar. 1995. *Kesusasteraan klasik Melayu sepanjang zaman*. Shah Alam: Malindo Printers Sdn. Bhd.
- Wan Hussein Azmi. 1980. Islam di Malaysia: Kedatangan dan perkembangan (abad 7–20 M). In *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 135–157.